

27/04/2002

Pembantu kesihatan menang Perodua Kelisa

ALOR SETAR, Jumaat - Seorang pembantu kesihatan memenangi sebuah Perodua Kelisa GX apabila dipilih 'Pengunjung Bijak' sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 (MSAM 2002) yang berakhir, di sini, hari ini.

Siti Khatijah Abdul Rahman (gambar), 48, dari Klinik Kesihatan Alor Jangus, Alor Setar menerima replika kunci kereta itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas beliau merasmikan majlis penutupan minggu berkenaan.

Kereta itu ialah hadiah utama bagi pengunjung yang perlu menghantar borang penyertaan dengan menjawab soalan dan memberi slogan terbaik sempena MSAM 2002.

Siti Khatijah yang belum berkahwin berkata, beliau mengunjungi pameran itu selama dua hari berturut-turut pada Selasa dan Rabu lalu menghantar 10 borang penyertaan.

Slogan Siti Khatijah yang melayakkan beliau memenangi hadiah itu ialah: "Segala kelebihan tiada bandingan, keuntungan pelaburan tiada saingan, kelebihan bestari tetap berpanjangan"

Sebelum itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang utama peraduan menulis esei saham amanah peringkat kebangsaan kepada Maheran Katan dari Alor Gajah, Melaka bagi kategori umum.

Maheran menerima hadiah RM3,000 dan sijil penyertaan manakala bagi kategori sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi tiada penyertaan yang layak menerima hadiah utama.

Hadiah gerai pameran terbaik keseluruhan dimenangi oleh Golden Hope Plantations Bhd dengan hadiah piala pusingan.

(END)